



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
National Pharmaceutical Control Bureau  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami: ( 15 ) dlm.BPFK/PPP/01/03 Jld. 3  
Tarikh : 30 JUN 2014

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN**

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN  
(SEPERTI DI SENARAI EDARAN)**

Tuan/ Puan,

- i. **PENGAWALAN BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN / FEED ADDITIVE TERMASUK PRODUK SUPPLEMEN KESIHATAN / DIETARY SUPPLEMENTS DAN PRODUK HERBAL / NATURAL**  
(Ruj. Kami: (8) dlm.BPFK/PPP/01/03 Jld 3 bertarikh 09 April 2014)
- ii. **PENGUATKUASAAN KEPERLUAN PELESENAN TERHADAP PENGILANG, PENGIMPORT DAN PEMBORONG PRODUK VETERINAR BERDAFTAR**  
(Ruj. Kami(12) dlm.BPFK/PPP/07/25 bertarikh 05 Jun 2014)

---

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Pekeliling ini adalah susulan kepada dokumen-dokumen di atas yang bertujuan untuk menjelaskan beberapa kekeliruan.
3. Sebagaimana pihak tuan/puan sedia maklum,
  - i. Pelaksanaan pendaftaran produk veterinar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 (CDCR) bermula pada **01 Ogos 2007**.
  - ii. Semua pengilang, pengimport dan pemborong produk veterinar perlu berlesen di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 (CDCR).
4. Produk yang dikategorikan sebagai bahan tambahan makanan haiwan telah dikawal di bawah Akta Makanan Haiwan 2009. Walaubagaimanapun,
  - i. semua persediaan veterinar yang mengandungi *drug*/bahan yang bertujuan untuk digunakan atau boleh diguna atau dituntut untuk tujuan perubatan (*to be used or capable, or purported or claimed to be capable, for a medicinal purpose*) akan dikawal di bawah CDCR dan perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah.

- ii. sekiranya mengandungi racun berjadual masih tertakluk kepada **Akta Racun 1952**.
5. Memandangkan terdapat beberapa isu yang perlu diselaraskan adalah dimaklumkan bahawa keperluan pelesenan telah dilanjutkan sehingga **31 Disember 2014**.
6. Selepas tamat tempoh tersebut, produk-produk yang belum berdaftar tidak boleh dipasarkan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil.
7. Sayugia diingatkan bahawa menjual produk-produk yang tidak berdaftar di pasaran adalah menjadi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**TAN ANN LING**

Pengarah Regulatori Farmasi  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

*as/ppp*